

Latihan 3

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan kata terbitan manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan frasa adjektif. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Jelapang ialah bangunan yang diperbuat daripada kayu menyerupai rumah bagi simpan padi. Setiap rumah pada zaman dahulu dipunyai jelapang padi sekiranya mereka mempunyai sawah padi. Setelah musim monai, padi yang sudah terbersihkan dan dikeringkan akan disimpan di dalam jelapang. Ukuran jelapang bergantung kepada luas sawah yang dimiliki oleh sesebuah keluarga. Padi yang terhasil mempunyai tiga kegunaan. Pertama, padi akan ditumbuk atau dimesin untuk menjadi beras. Sebelum peralatan moden, iaitu mesin padi digunakan, penduduk akan mengguna lesung untuk menumbuk padi. Kedua, padi yang disimpan itu dari semasa ke semasa akan dijual untuk mendapatkan wang tunai. Ketiga, sebahagian kecil daripada padi tersebut diberikan kepada haiwan ternakan seperti ayam dan itik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Semangat Padi Sudah Mati
Oleh A. Kadir Jasin, Tokoh Wartawan Negara 2011
Majalah Dewan Masyarakat, Bil. 11/2020

Petikan 2

Kajian yang dijalankan terhadap penduduk negara yang melanda COVID-19 seperti di China, Itali dan Amerika Syarikat mendapati kadar kemurungan sangat meningkat sekali. Individu yang dijangkiti wajib menjalani kuarantin sama ada di hospital, pusat kuarantin atau di rumah dalam tempoh tertentu. Kefahaman akibat penyakit COVID-19 ini amat rendah sekali dan tidak banyak diketahui oleh masyarakat. Kajian turut dijalankan terhadap rakyat Iran, Itali dan Sepanyol menunjukkan majoriti rakyat mengalami tekanan emosi akibat pandemik COVID-19. Pasukan petugas barisan hadapan mengalami diskriminasi yang paling amat teruk daripada masyarakat di sana dengan tidak membenarkan anak-anak mereka dihantar ke pusat asuhan dan sekolah kerana mempunyai kontak rapat. Golongan berusia mempunyai risiko yang tertinggi sekali berbanding dengan golongan muda untuk dijangkiti. Daya ketahanan diri mereka rendah dan sangat berisiko sekali jika mereka menghidap penyakit kronik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kesan COVID-19 Terhadap Kesihatan Mental
Oleh Harny Mohamed Yusoff
Majalah Dewan Kosmik, Bil. 12/2020

Kata terbitan dan frasa adjektif:

- Kata terbitan merupakan proses penambahan imbuhan pada kata dasar. Oleh itu, murid perlu mengenal pasti kata dasar yang mempunyai kesalahan imbuhan
- Frasa adjektif yang menggunakan kata penguat, tidak boleh hadir serentak dalam satu ayat

Bil.	Petikan 1	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Bil.	Petikan 2	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		

Ayat bersusunan biasa dan ayat bersusunan songsang:

- Ayat bersusunan biasa ialah ayat yang didahului oleh subjek dan diikuti oleh predikat
- Ayat bersusunan songsang ialah ayat yang didahului oleh predikat dan diikuti oleh subjek
- Ayat bersusunan songsang juga dikenali sebagai ayat terbalik